

# DUA REKOD KEBANGSAAN LEBUR DI LAPANGAN MEMANAH

26 Julai 2016 12:22 AM

Utusan Malaysia.



M. Khambeswaran dan Farah Amalina Azhar bergambar bersama selepas masing-masing memenangi pingat emas dan memecahkan rekod kebangsaan dalam acara memanah compound 30m lelaki dan recurve 30m wanita.

**KUCHING 25 Julai – Sukan memanah terus mencipta kejutan apabila dua lagi rekod kebangsaan dipecahkan menerusi acara 30 meter (m) recurve wanita dan 30m compound lelaki dalam Sukan Malaysia (Sukma) 2016 di padang Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Kota Samarahan hari ini.**

Pemanah Kedah, Farah Amalina Azhar menyempurnakan bidikan yang menghasilkan 350 mata dalam acara recurve 30m dalam laluanannya untuk memenangi pingat emas.

Catatan tersebut memadam rekod lama kebangsaan 349 mata yang dipegang atlet dari Terengganu, Nurul Shafiqah Hashim yang diciptanya ketika menyertai Sirkuit Kebangsaan 2012 di Lumut, Perak.

Catatan itu juga memperbaharui rekod Sukma dengan mengatasi rekod atlet Perak, Ng Sui Kim dengan catatan 341 mata ketika Sukma Melaka 2010.

Pingat perak menjadi milik Nur Aliya Ghapar dari Terengganu, sementara rakan sepasukannya Nur Aqilah Yusof memperoleh gangsa.

Farah Amalina yang berasal dari Kulim, turut memecah satu rekod kejohanan ketika memenangi pingat emas keduanya hari ini menerusi acara 50m recurve dengan mengumpul 322 mata, mengatasi rekod 317 mata dipegang Shahira Abd. Halim dari Johor yang diciptanya pada 2010 di Melaka.

“Sangat berpuas hati. Saya tak ada sasaran untuk memecahkan rekod, namun bagi saya ini satu bonus apabila dapat pecah dua rekod dalam satu hari.

“Bagi saya kejayaan ini satu perkembangan positif dalam usaha memartabatkan sukan memanah di negara ini,” katanya.

Satu lagi rekod dipecahkan oleh M. Khambeswaran setelah pemanah Pulau Pinang itu melakukan bidikan 360 mata yang meleburkan rekod kebangsaan milik Lang Hong Keong.

Catatan tersebut sekali gus mengatasi bidikan 359 mata yang dicipta Hong Keong sewaktu menyertai Grand Prix Asia 2008.

“Saya menjalani latihan berat menjelang temasya ini semata-mata mahu memecahkan rekod kebangsaan. Itu sasaran utama saya, nampaknya saya berjaya.

“Menerusi kejayaan ini, saya harap saya dapat mewakili negara suatu hari nanti. Terima kasih kepada jurulatih sebab beri kepercayaan kepada saya untuk beraksi dalam acara ini,” kata Khambeswaran.

Wong Co Wan dari Sabah sekadar berpuas hati dengan pingat perak, manakala wakil tuan rumah Chio Chung Yin berada di kedudukan gangsa.

Sementara itu, rekod Sukma yang baharu dihasilkan pemanah Sarawak, Ngu Gao Teck yang berjaya mencatat 349 mata dalam 50m compound lelaki.

Rekod lama dipegang Zulfadhli Ruslan dari Pulau Pinang yang melakukan bidikan 342 mata sewaktu Sukma 2012 di Pahang.

Dalam aksi 50m compound wanita, pingat emas menjadi milik atlet Wilayah Persekutuan (WP), Sazatul Nakhirah Zakaria, manakala Muhammad Syauqi Azmi dari Sabah menjuarai 50m dan 30m recurve lelaki.

Atlet Selangor, Rikasa Fira Mukelis pula mengungguli dalam acara 30m compound wanita.